

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATO' SRI HAJI ABDUL RAHMAN BIN
MOHAMAD [LIPIS]**

SOALAN

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan usaha Kementerian dan langkah pencegahan turun padang secara terperinci untuk membanteras kenaikan harga barang-barang makanan yang semakin meningkat.

JAWAPAN

Yang Di-Pertua,

Antara langkah-langkah pencegahan turun padang yang diambil bagi menangani isu kenaikan harga barang adalah seperti berikut:

- i. melaksanakan penguatkuasaan tegas di bawah **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011** iaitu:
 - a. penguatkuasaan terhadap pencatutan atau pengambilan untung secara tidak munasabah oleh peniaga di bawah **Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah) 2018** yang mula berkuatkuasa pada **6 Jun 2018**;
 - b. pemantauan dan penguatkuasaan yang lebih agresif meliputi **seluruh rantai pengedaran barangan dan perkhidmatan** di seluruh negara di bawah **Operasi Catut 5.0** bermula pada **8 Ogos 2018**. Operasi ini telah menggerakkan semua anggota

penguatkuasa Kementerian seluruh negara bagi membendung isu kenaikan harga barang di pasaran;

- c. pengeluaran **Notis** bertulis di bawah **Seksyen 21 AKHAP 2011** ke atas mana-mana pihak yang didapati menaikkan harga secara mendadak dan ketara untuk mendapatkan maklum balas dan penjelasan secara bertulis mengenai kenaikan harga bagi menentukan berlakunya elemen pencatutan;
 - d. penguatkuasaan **Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993** yang mewajibkan peniaga meletak tanda harga ke atas barangan yang dijual atau mempamerkan senarai harga.
- ii. mengadakan program **libat urus** bersama peniaga untuk memberi penjelasan, khidmat nasihat dan kerjasama bersama peniaga dalam memahami dan mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan;
 - iii. meningkatkan **keberadaan (omnipresence)** pegawai-pegawai penguatkuasa di lokasi yang menjadi tumpuan pengguna bagi mewujudkan ruang persekitaran perniagaan yang selamat dan beretika. Kementerian turut mewujudkan dalam usaha untuk
 - iv. menangani **pertanyaan** dan **penyelesaian aduan** rakyat dengan lebih **cepat dan pantas** dengan menyediakan **Skuad Tindakan Aduan dan Resolusi Pengguna (STAR)** dan **Special Action Squad (SAS)**; dan
 - v. memudahkan rakyat mengemukakan aduan melalui pelbagai saluran sedia ada di Kementerian seperti **aplikasi whatsapp KPDNHEP 019-2794317, Portal E-Aduan, aplikasi telefon pintar Ez Adu, talian hotline KPDNHEP 1-800-886-800** dan hadir sendiri ke mana-mana **pejabat/cawangan KPDNHEP yang berhampiran.**